

# Sebahagian Jalan Masjid India kini dibuka semula

**KUALA LUMPUR** - Sebahagian Jalan Masjid India di sini yang terlibat dengan insiden tanah jerlus telah dibuka semula kepada orang awam.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi kenyataan pada Rabu memaklumkan laluan yang dibuka termasuk kawasan berhampiran Bit Polis Jalan Masjid India dan lorong antara premis perniagaan berkuat kuasa bermula 10 November lepas.

“Pembukaan ini dibuat setelah kerja-kerja pembaikan dan penyiasatan tanah di kawasan tersebut berjaya diselesaikan.

“DBKL menghargai kesabaran dan kerjasama yang telah diberikan oleh orang ramai

serta pihak berkepentingan sepanjang tempoh kerja ini dijalankan,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu, DBKL memaklumkan kawasan *ground zero* iaitu lokasi kejadian tanah jerlus berhampiran Wisma Melayu masih ditutup untuk kerja-kerja pembaikan yang giat dijalankan.

“Berdasarkan prestasi kerja di tapak *ground zero* ini dijangka dibuka sepenuhnya menjelang hujung Disember berbanding jangkaan awal pada Februari 2025.

“DBKL komited memastikan kerja-kerja ini dapat diselesaikan dengan selamat dan menyeluruh,” menurut kenyataan itu. - *Bernama*